

[BIL. 79 MEI 2020](#)



Kuasai kemahiran teknologi memudahkan cara

Para pentadbir dan pensyarah disarankan untuk meningkatkan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi semasa bekerja dari rumah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam memastikan negara ini.

Malahan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara dalam talian (*online*) di universiti juga dalam memastikan pengajian tidak terjejas akibat situasi yang tidak pasti bila ia akan berakhir pada masa ini.

Timbalan Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Profesor Madya Dr. Mukhzeer Mohd Yusoff yang bertajuk 'Normal Baharu, Bersediakah Universiti Awam?' berkata, sebagai pengajar kita tiada pilihan selain menggunakan pengajaran dan pembelajaran secara maya bagi memastikan sesi pengajaran dapat disampaikan dengan sempurna.

“Dalam era digital ini, mereka perlu meneroka ilmu baharu ini, pentadbir dan pensyarah akan lebih positif menghadapi wabak ini,” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, terdapat pelbagai jenis platform pembelajaran digital seperti video dalam talian, *Google*

“Pada awalnya, ia amat sukar untuk ditempuh memandangkan kebiasaan pensyarah mengajar secara *face-to-face*. Jangkitan penyakit ini berkait rapat dengan kontak rapat, justeru normal baharu yang perlu diamalkan sekarang ini adalah dengan mengasingkan diri.

“Dalam konteks pendidikan tinggi, normal baharu ini menagih agar setiap institusi pendidikan tinggi (IPT) mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

“Solusi yang nyata untuk pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian adalah dengan menghadkan bilangan peserta dalam satu sesi, proses pembelajaran dan pengajaran masih kekal di luar tempoh PKP,” katanya.

Bersama beliau, tiga lagi panel jemputan yang mengulas topik ini iaitu, Pendaftar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Presiden Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) merangkap Presiden Persatuan Pentadbir Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Raja Shah Erman Raja Arifin dan Mohd Raizalhilmy Mohd Rais yang merangkap Presiden Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PPTI) UMP.

Program dikendalikan Pegawai Penerbitan Kanan, Penerbit UMP, Muhammad Azli Shukri sebagai moderator.

Dr. Hajah Ina Md Yasin juga turut bersetuju dengan pentadbir yang perlu meningkatkan kemahiran ICT dan menggunakan platform untuk memudahkan bekerja dari rumah malah ia juga sebagai persediaan kita melangkah ke arah digitalisasi.

“Kini, kita sendiri dapat melihat kepentingan telefon pintar, jika sebelum ini kita jarang memberi pendedahan kepada telefon pintar, tetapi tatkala PKP ini telefon pintar merupakan sekolah mereka, semua guru menggunakan telefon pintar sehingga kita dapat merasakan ia sebagai keperluan bagi sesi pembelajaran anak-anak.

“Pada masa yang sama, sebagai pentadbir dan perkhidmatan awam juga turut terkesan dengan pelaksanaan normal baharu ini.”

“Dari segi pentadbiran sendiri banyak perkara baharu yang kita akan lalui, namun bagi setengah organisasi ia merupakan cabaran untuk ditempuhi,” katanya.

Tambahnya lagi, pada ketika ini peranan pentadbir perlu memberi kefahaman kepada warganya mengenai normal baharu ini.

“Jika tiada kefahaman akan mewujudkan kesan negatif justeru, akan merencatkan dan akan berdepan dengan cabaran yang lebih banyak.”

“Sememangnya untuk menerima satu perubahan itu amat sukar, namun selepas mereka faham dan memahami ia akan peroleh kerjasama dan maklum balas yang cepat.

“Kita dapat lihat masa awal PKP, ada yang marah dan tidak dapat menerima, namun apabila kita sama-sama berfikir dan berunding ini telah menjadi kebiasaan kepada mereka sebab mereka sudah mulai faham,” katanya.

Dalam usaha pentadbiran katanya, universiti perlu menanganinya dengan empat perkara iaitu jangkaan, komunikasi, kerjasama dan maklum balas.

“Dalam waktu krisis ini keadaan berubah tidak tentu masa, jadi kita perlu mengenal pasti apa yang berdepan dan dapat dibuat dan melaksanakan tindakan yang sewajarnya.

“Selain itu, sebagai pentadbir kita juga perlu mengambil tindakan dengan cepat dan tepat,” katanya.

Manakala Raja Shah Erman Raja Arifin pula berpandangan pastinya kebanyakan kita tidak bersedia untuk kita lalui ini kerana mungkin terdapat segelintir pentadbir berada zon yang berbeza.

“Bekerja dari rumah juga merupakan cabaran paling besar yang perlu dihadapi kerana individu tersebut bu ICT namun perlu pandai mengagihkan masa dengan pengurusan kerja dan keluarga,” katanya.

Dalam pada itu, Mohd Raizalhilmy pula berkongsi langkah-langkah yang perlu pentadbir lakukan untuk m semasa dan selepas COVID-19.

“Dengan normal baharu ini tanpa sedar kita telah menjadikan rakyat lebih kreatif dan inovatif terutama dalam

“Banyak perkara yang pentadbir boleh lakukan sepanjang PKP ini di antaranya menambah ilmu mengenai Zoom, Google Meet dan WEBEX sebagainya yang dahulunya mungkin tidak biasa namun kini telah menjaja

Beliau turut berkongsi tip bagi sentiasa bersemangat kerja dari rumah dengan memastikan ruang kerja ya yang tinggi supaya dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang digalas.

“Selain itu, pihak Kaunselor turut perlu berperanan dalam menangani isu berkaitan kesihatan mental peke dan tertekan yang dilihat semakin banyak berlaku tatkala berdepan situasi PKP ini.

“Pihak MASTI kini sedang menjalankan kajian berkaitan dengan impak cara kerja dan kesan dari PKP serta dimanfaatkan oleh semua komuniti terutama pentadbir di universiti.

Siri Bicara Pentadbir yang merupakan anjuran PPTI UMP dengan kerjasama Jabatan Pendaftar dan Pe aplikasi Zoom dan Facebook UMP Malaysia serta Facebook PPTI pada 28 April 2020 yang lalu dan mend kalangan pentadbir universiti awam seluruh negara.

Hasrat pelajar UMP balik kampung tertun

Gerakan pertama pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) Universiti Awam dan Swasta, Politeknik dan pulang ke kampung halaman sekitar destinasi Zon Pantai Timur pada 30 April 2020 yang lalu membabitk Pahang (304), Kelantan (396) dan Terengganu (454).

Perjalanan yang ditunggu-tunggu ini menamatkan tempoh selama lebih 40 hari pelajar menjalani Perint sejak 18 Mac 2020 lalu.

Bagi Muhammad Hazamuddin Wan Hassan, 25 dari Kolej Kejuruteraan, Jabatan Kejuruteraan Awam, akhirnya dapat pulang ke kampung halaman di Tumpat, Kelantan.

“Perasaan berdebar menunggu kelulusan untuk balik dan semestinya sangat gembira dan lega apabila dim

“Keluarga saya telah hubungi beberapa hari lepas dan mereka turut menanti kepulangan hari ini,” katanya.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak universiti, kementerian dan pihak berkuasa yang bertung untuk membawa pulang pelajar ke kampung halaman masing.

Begitu juga dengan Nurliyana Mohamad Azmi, 27 dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam UMP yang pulang malahan disediakan bekalan makanan dan minuman.

“Keluarga pun selalu menelefon bertanyakan khabar bila boleh balik. Kerap jugak mereka kongsi sentiasa mengharap boleh balik ke kampung.

“Alhamdulillah, hari ini doa kami tertunai. Tengok kawan-kawan di utara dah sampai kampung rasa se Pahang.

Di UMP seramai 140 pelajar , 26 pegawai Perhubungan (LO) dan lebih 40 pemandu telah disaring sebelum

Seramai 1,120 pelajar masih tinggal di kampus bagi pergerakan fasa berperingkat sehingga 10 Mei depan.

Sebanyak 26 bas bergerak membawa pelajar dari UMP Kampus Gambang dan Kampus Pekan serentak ke

Selain itu, saringan gejala (suhu badan, sakit tekak, batuk, selesema dan sesak nafas) juga dijalankan oleh pergerakan pelajar.

Pelajar juga sentiasa diingatkan untuk sentiasa menjaga penjarakan sosial (*social distancing*), memakai masker semasa perjalanan dan mengamalkan kebersihan dengan memakai pensanitasi tangan (*hand sanitizer*).

Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, Ketua Polis Pahang, Datuk Abdul Halim (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin yang menyaksikan proses perge

Kumpul sukarelawan siapkan kelengkapan

Menyedari keperluan pakaian perlindungan diri (PPE) untuk kegunaan petugas Kementerian Kesihatan Malaysia ini dan permintaan terhadap PPE yang berterusan telah memberikan inspirasi buat staf UMP Services & Holdings Sdn. Bhd. mengumpul sukarelawan bagi membantu dalam penyediaan kelengkapan PPE ini.

Ia bermula apabila Eksekutif Landskap dan Kebersihan USSB, Mohd. Hairudin Idris membantu isterinya, Radziah, sukarelawan menjahit kelengkapan PPE.

Namun pada ketika itu, terdapat permintaan agar kelengkapan ini dapat disediakan segera dan memerlukan

Hasil hebahan keperluan sukarelawan menggunakan media sosial, beliau tidak menyangka sambutan yang dapat mengumpulkan sepuluh orang sukarelawan dalam masa yang singkat.

“Kumpulan ini berjaya menyiapkan pelindung kepala sebanyak 250 unit dan pelindung kaki sebanyak 400 u

“Material seperti kain dan getah dibekalkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) dan Persatuan (PAPISMA).

“Sukarelawan membuat PPE tersebut mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan,” katanya.

Menurut Radziah lagi, bahan yang diterima juga telah siap dipotong dan diagihkan kepada semua sukarelawan rumah masing-masing.

Beliau bersama sukarelawan lain amat gembira kerana berpeluang dapat menyumbang tenaga untuk membantu petugas perubatan kesihatan dan perubatan yang sedang menangani COVID-19.

Menceritakan penglibatannya, ketika menerima tawaran dari rakannya, tanpa berlembang beliau bersetu menyatakan hasrat kepada suaminya untuk mendapatkan lebih ramai sukarelawan untuk bersama-sama m

“Walaupun ada antara sukarelawan tidak mengenali antara satu sama lain, namun tidak menghalang bu ini.

“Semua komunikasi antara kami menggunakan aplikasi pesanan WhatsApp. Dengan kemahiran men menyiapkan PPE ini,” ujarnya.

Beliau mula menjahit seawal jam lapan pagi hingga 12.00 tengah hari dan pada sebelah petang ak menyediakan juadah berbuka puasa buat keluarga.

Sungguhpun kebanyakan mereka telah mula sibuk dalam menyiapkan tempahan baju raya yang perlu o sukarelawan menyumbangkan tenaga walaupun sedikit demi membantu negara yang berdepan pandemik

Manakala bagi Pustakawan Kanan UMP, Noorul Farina Arifin, setakat ini beliau diminta menyediakan seba

Pengalaman ini amat berharga buatnya yang berpeluang menyumbang tenaga membantu barisan hadapan COVID-19.

Memandangkan beliau bekerja dari rumah (WFH), kebanyakan kerja menjahit dibuat pada hujung minggu o

“Menjahit PPE ini tidaklah begitu sukar namun masih memerlukan penelitian khusus terutama kaedah ja katanya.

Tradisi iftar dalam talam di kampus tinggal ken

Oleh: SITI NUR AZWIN ZULKAPRI, UNIT PERHUBUNGAN AWAM, PEJABAT NAIB CANSELOR

Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) melahirkan rasa gembira apabila dibenarkan pulang ke rumah m di dalam kampus ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa sejak 18 Mac 2020 yang

Fasa pertama pergerakan pelajar ke Zon Timur membabitkan seramai 1,154 pelajar pulang ke kampung m Terengganu pada malam 30 April baru-baru ini melibatkan Universiti Awam (UA) dan Swasta, Politeknik da

Bagi mahasiswa UMP, Muhammad Hazamuddin Wan Hassan, 25, yang berasal dari Kelantan berkata, de dinantikan terutama bagi melepaskan perasaan rindu kepada keluarga.

Menceritakan pengalaman tahun sebelumnya berpuasa di kampus sangat menyeronokkan apabila dap

masjid UMP.

“Apatah lagi tradisi bergotong-royong menyediakan juadah berbuka puasa dan makan bersama menggunakan untuk dimakan dengan empat atau lima pelajar lain.

“Ia juga tinggal kenangan dalam bulan Ramadan apabila kami tidak dapat lagi berbuka puasa beramai-ramai di MPK 1 di Kuantan yang menjadi lokasi tumpuan orang ramai di negeri ini untuk berbuka puasa bersama. Kini tempat ujarnya yang kini telahpun berada di kampung halamannya di Tumpat Kelantan.

Beliau antara pelajar terawal yang menyertai kumpulan penghantaran pelajar balik ke kampung halaman di Sarawak.

Beliau amat berterima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat terutamanya UMP yang bertungkus-musuh untuk membawa pelajar yang masih berada di kampus sepanjang tempoh PKP ini.

Manakala bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekatronik, Nur Salmiah Saliman, 25 tahun, Kuala Terengganu buat sementara ketika keadaan PKP turut memberikannya pengalaman baharu berbanding di Sarawak.

Nur Salmiah merupakan pelajar yang berasal dari Kuching, Sarawak pada awalnya ingin balik ke kampung halaman.

Beliau telah membeli tiket pada 18 Mac 2020 dan sepatutnya terbang balik ke Sarawak pada 25 Mac 2020.

Namun akibat PKP, dugaan buatnya apabila dua kali penerbangan dibatalkan dan kini beliau menyertai kumpulan penghantaran pelajar balik ke kampung halaman di Sarawak bersama kumpulan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

“Perasaan pertama kali berpuasa di perantauan sangat berbeza kerana sebelum ini puasa pertama di Sarawak bersama-sama rakan di Kolej Kediaman 5 UMP.

“Biasanya saya akan mencari kuih tepung pelita, kuih lopes, puding sagu dan variasi sate di bazar Ramadan.

Akibat terlalu rindu makan bersama keluarga ketika musim pandemik ini, ibunya mengiriskan beberapa ikan ke Sarawak dan dimasinkan supaya ikan tersebut kekal elok untuk dikirimkan ke rumah ibu saudaranya.

Dengan adanya teknologi memberikannya kemudahan berhubung dengan keluarga. Ramadan kali ini beliau menyambut Ramadan dengan ibu saudaranya setelah hampir 20 tahun tidak berjumpa.

Nur Salmiah yang merupakan anak sulung daripada enam beradik turut tidak sabar bertemu dengan adik-adik.

berbuka puasa dengan keluarganya di kampung.

Dijangkakan seramai 6,500 pelajar dari negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu pulang ke kampung h Timur, Tengah, Utara, Selatan, Perak, Sabah dan Sarawak sehingga berakhir 10 Mei depan.

UMP juga akan melaksanakan kuliah dalam talian mulai 1 Jun depan bagi meneruskan sesi pengajian penulatan COVID-19.

Pendedahan Terhadap Dasar-dasar Kerajaan Lahirkan Generasi B

Oleh: DR. HASNAH HUSSIN

e-mel: hasnah@ump.edu.my

Peranan kerajaan dalam memperkenalkan dan melaksanakan dasar-dasar negara tidak dapat dinafikan. Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara yang digubal sejak sebelum negara ini mencapai kemerdekaan Negara lebih jelas dan lebih rancak memfokuskan isu-isu tertentu bermula pada tahun 1970 sehingga kini. Dasar-dasar negara dilaksanakan selaras dengan pembangunan sosioekonomi dan politik negara semasa. Ia berkesan dalam perubahan mengikut pucuk pimpinan dan juga nilai masyarakat dari semasa ke semasa.

Objektif penggubalan dasar-dasar kerajaan bagi pertumbuhan ekonomi negara, pengagihan pendapatan yang adil kepada kaum dan kebajikan masyarakat keseluruhannya. Semua lapisan masyarakat haruslah memahami dasar-dasar dan matlamat, dan objektif penggubalan dasar serta strategi pelaksanaan dasar. Di sini akan dibincangkan dasar-dasar yang direnungkan bersama.

Antara yang terbaru, mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan Dasar Komuniti sebagai pendekatan untuk membentuk komuniti yang sentiasa peka kepada isu-isu sosial yang berlaku dalam masyarakat yang lebih sejahtera. Dalam hal ini, bagi memastikan kestabilan politik dan pembangunan ekonomi berjalan dengan lancar dan penekanan yang wajar. Pembangunan nilai-nilai murni perlu disematkan dalam jiwa warganegara Malaysia sebagai budaya bagi mencapai kesejahteraan masyarakat. Dasar Komuniti Negara merupakan satu dasar baharu yang diharapkan bagi mendaya upaya komuniti agar mempunyai kesedaran dan prihatin terhadap harta benda awam dan setempat. Pengenalan dasar seumpama ini adalah bertepatan dengan usaha kerajaan untuk mempromosikan tanggungjawab masyarakat untuk menjaga aset negara dan bersama memelihara keamanan dan kesejahteraan.

Umum telah mengetahui bahawa Malaysia telah menjalin hubungan diplomatik dengan pelbagai negara-negara yang telah sekian lama mengadakan hubungan diplomatik dengan Malaysia adalah negara Jepun. diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamed semasa menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-4 dan setelah diperkenalkan pula Dasar Pandang Ke Timur 2.0 telah mengeratkan lagi hubungan antara dua negara. negara Jepun dan Korea merupakan negara Asia yang dalam beberapa aspek lebih maju dari negara Barat. Malaysia untuk mencapai negara maju dengan meningkatkan prestasi pembangunan sektor awam dan swasta Timur. Untuk itu, nilai-nilai dan etika kerja yang positif perlu diterapkan dalam kalangan pekerja seperti ke sendiri, setia kepada negara, produktiviti, kualiti, rajin bekerja, kecekapan dan mementingkan kesan jangka. Jepun dijadikan teladan seperti berdisiplin, menepati masa, menjaga kebersihan, membaca serta menghormati.

Manakala Dasar Pandang Ke Timur 2.0 pula perlu dilihat dalam perspektif yang lebih luas kerana ia bukan pelaburan malahan berkongsi kepakaran dan pengetahuan yang akan mempercepatkan lagi pelaksanaan Keempat (Industri 4.0). Antara sektor yang berpotensi di bawah Dasar Pandang Ke Timur 2.0 adalah industri rakyat Malaysia khususnya generasi muda perlu mempersiapkan diri dengan ilmu berkaitan jika mereka ingin. Begitu juga industri halal mempunyai prospek yang tinggi pada masa akan datang dan adalah menjadi trend dengan industri halal menimba ilmu dalam bidang ini sebanyak mungkin.

Rasional kepada kejayaan pembangunan negara adalah bergantung kepada sikap yang positif serta masyarakat dari peringkat tinggi hingga ke peringkat yang rendah. Rentetan itulah perlu ditanamkan kesedaran supaya mereka memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing. Bagi mencapai tujuan ini pihak kerajaan Cekap dan Amanah pada April 1982 dan diikuti oleh Kepimpinan Melalui Tauladan pada Mac 1983 oleh amalan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini. Asas kepada amalan ini adalah bagi membendung kepada kejatuhan produktiviti dan kualiti kerja rakyat Malaysia. Nilai-nilai positif yang ditekankan di bawa moral yang tinggi, berdisiplin, amanah, tidak mengamalkan rasuah, tidak memihak kepada mana-mana pihak dan berprinsip, proaktif, mahir dalam bidang tertentu dan sebagainya.

Era globalisasi memperlihatkan ledakan teknologi maklumat yang begitu pantas sehingga mengatasi per teknologi maklumat ini telah banyak memberi kesan kepada kehidupan manusia khususnya dari segi ma banyak mengurangkan penggunaan sumber manusia dengan kewujudan teknologi yang boleh membun manusia. Ada yang melihat perkara ini sebagai sesuatu yang positif kerana ia akan dapat mengurangkan ketinggalan dengan teknologi seumpama ini, Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan memperk dimaksudkan dengan Revolusi Industri 4.0? Mungkin ramai yang masih tidak faham, masih samar-samb berkemungkinan. Secara amnya, cuma bayangkan 30 tahun akan datang segala ilmu yang kita miliki kini dalam dunia pekerjaan. Ini bermakna, pasaran kerja hanya akan dipenuhi oleh individu yang berkemahiran dunia pekerjaan pada masa akan datang akan lebih mencabar dan generasi muda hari ini perlu mengara cabaran dan mampu memainkan peranan dalam dunia digital tanpa sempadan ini. Individu atau warganegara mempersiapkan dirinya dengan ilmu yang menjadikannya relevan dengan era tersebut.

Namun, hasil kajian secara rawak mendapati terdapat sebilangan warganegara dari pelbagai peringkat mengetahui akan kewujudan sesetengah dasar kerajaan yang telah diperkenalkan. Jawapan ringkas me faham. Pelaksanaan terhadap dasar-dasar dapat dilaksanakan sepenuhnya jika masyarakat dari pelbagai dasar ini dari peringkat atasan hingga bawahan. Percayalah segala dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan difahami oleh pegawai kerajaan peringkat atasan sahaja tanpa melibatkan semua golongan masyarakat ada pengukuran prestasi yang perlu disemak dan diumumkan secara berkala bagi memastikan rakyat sepenuhnya apakah yang dihasratkan oleh kerajaan dalam memangkin pembangunan negara.

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Kebiasaan Baharu: Peluang dan Ruang bagi Perniagaan

Oleh: DR. RAHMAH MOKHTAR
e-mel: drrahmah@ump.edu.my

Penggunaan teknologi komputer dalam urusan harian telah lama dipraktikkan oleh pelbagai org dipertingkatkan dengan penambahan teknologi sesuai dengan peredaran masa. Bermula dari pengguna ke aplikasi mudah alih. Terkini, teknologi jalur lebar, memudahkan jaringan hubungan sama ada setempat perniagaan tidak ketinggalan dan perlu selari dengan perubahan teknologi supaya boleh berdaya saing da perniagaan yang menggunakan komputer atau aplikasi mudah alih dikenali sebagai perniagaan dalam Niaga. Segala pengurusan perniagaan bermula dari pengiklanan, pesanan, pembayaran dan pengha aplikasi komputer sama ada statik atau mudah alih.

Fenomena Baharu

Fenomena e-Niaga telah berubah seratus darjah apabila wabak yang muncul pada akhir Disember t Malaysia. Keseluruhan kebiasaan baharu telah mengubah cara mengoperasi kebanyakan sektor perniac menjadikan cara permintaan pengguna terhadap barangan juga telah berubah. Pengguna lebih sele menjimatkan masa dan juga selamat. Bagi memenuhi permintaan pengguna, sektor perniagaan perlu me secara total kepada dalam talian. Para peniaga perlu membuat perubahan dalam urusan perniagaan mer bagi kekal bersaing dan perlu memulakan penggunaan teknologi dalam urusan harian mereka.

Kemunculan pelbagai aplikasi dan penggunaan media sosial sebagai medium urusan perniagaan menu peluang dan ruang yang membuka penerimaan masyarakat Malaysia terhadap e-Niaga. Apatah lagi c

Malaysia yang sudah biasa dengan kewujudan bazar di sana sini, mula menerima e-Bazar sebagai alternatif sebagai kebiasaan baharu. Makanan kebiasaan di bulan Ramadan masih boleh dinikmati di waktu bazar atau pesanan di atas platform pilihan, bayar dan hanya menunggu juadah berbuka sampai ke rumah. Kemudahan ini memudahkan pelanggan mendapatkan barangan atau juadah keperluan mereka pada waktu yang ditetapkan sewaktu Ramadan sesiapa sahaja untuk memulakan perniagaan demi kelangsungan hidup dengan syarat mempunyai perkhidmatan capaian Internet.

Penggunaan Aplikasi Web, Mudah Alih dan Media Sosial dalam e-Niaga

Aplikasi web, mudah alih dan media sosial merupakan platform medium yang digunakan oleh para peniaga dalam talian (*online*). Terdapat pelbagai aplikasi yang boleh digunakan sama ada platform sedia ada seperti Shopee atau aplikasi yang diwujudkan oleh kerajaan atau organisasi tertentu yang boleh digunakan sebagai platform untuk barangan perniagaan. Semua aplikasi ini bersedia untuk menampung dan menghubungkan keperluan perniagaan dan pembelian. Seperti perniagaan fizikal, e-Niaga juga memerlukan strategi untuk menarik minat pelanggan pendekatan dan strategi pemasaran e-Bisnes perlu dititikberatkan oleh peniaga bagi menarik minat pengguna.

Strategi Pemasaran e-Niaga

Strategi pemasaran adalah penting untuk menarik minat pelanggan kerana e-Niaga juga mempunyai persaingan yang tinggi. Strategi yang boleh digunakan supaya perniagaan anda pilihan utama pelanggan.

i. Penggunaan gambar yang menarik minat pelanggan

Perniagaan dalam talian memerlukan gambaran produk yang menarik perhatian dan memberikan keyakinan kepada barangan yang dijual. Contohnya, peniaga yang menjual martabak di bulan Ramadan mestilah menggunakan gambar yang menarik dan menyelerakan bagi menarik minat pelanggan untuk membeli. Pelbagai sudut gambar anda untuk menunjukkan produk anda tidak mahir untuk menyunting gambar sendiri anda boleh mengupah individu yang mahir menyunting gambar anda.

ii. Penggunaan tanda pagar hashtag (#)

Penggunaan (#) adalah penting untuk membolehkan perniagaan anda mencapai sasaran pelanggan yang spesifik dalam perniagaan anda jika mereka menaip produk yang anda jual di kotak pencarian. Contoh jika anda menjual martabak, #martabak, #martabakpekan atau pun #martabaksedap.

iii. Maklumat yang jelas

Maklumat dan istilah yang jelas mestilah digunakan dengan sebaiknya supaya pelanggan tahu apa yang mereka beli dan kelebihan produk. Baru-baru ini timbul isu akibat penggunaan istilah *Cash on Delivery* (COD). Menurut pengguna, COD adalah pembayaran tunai yang perlu dibayar oleh pengguna sewaktu penghantaran barangan iaitu harga barangan. Bagi pengguna yang biasa dengan istilah COD bermaksud tiada caj tambahan. Akhir-akhir ini didapati beberapa pengguna + caj penghantaran yang boleh mengelirukan pelanggan. Isu wujud kerana kebanyakan pelanggan enggan membayar COD tersebut. Oleh itu, disarankan peniaga menggunakan istilah *Cash with Delivery Charge* (CDC) dengan harga penghantaran sebagai contoh berikut, Martabak paling sedap di Kuantan dengan harga RM8 CDC mengikut lokasi. Indera Sempurna RM5 atau Gambang Damai RM7.

Bermaksud pelanggan akan membayar RM11 secara tunai sewaktu penghantaran martabak di hadapan rumah. Lebih telus dan pengguna maklum akan caj tambahan yang dikenakan. Jika peniaga masih ingin menggunakan istilah COD seperti berikut iaitu 'Martabak paling sedap di Kuantan, COD 12'. Bermaksud pelanggan akan membayar

martabak di depan rumah di mana kawasan Kuantan tanpa sebarang caj tambahan.

Perniagaan disertai strategi pemasaran yang baik boleh menjadikan perniagaan anda sebagai pilihan utama.

Perniagaan anda juga boleh berkembang luas dan boleh diadaptasi mengikut keadaan semasa. Jadikan peluang dan ruang yang perlu diambil oleh para peniaga untuk meneruskan kelangsungan perniagaan mereka dengan baik.

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Fakulti Komputeran, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Puisi Buat PM

Wabak Covid-19 merebak seluruh negeri
Semua orang merasa ngeri
Terima kasih datuk seri
Kerana wabak Covid-19 makin pergi

Perintah PKP wajib dipatuhi
Rakyat jelata seluruh negeri
Hari-hari kami menanti
Semoga bebas suatu hari nanti

Rakyat jelata pelbagai bangsa
Perintah PKP semua merasa
Kami semua sangat bangga
Kerana PM ada setiap masa

Perintah PKP patuh sentiasa
Tidak kira hari dan cuaca
Kami terasa disayangi sentiasa
Dapat PM berhati mulia

Perintah PKP semua tidak bekerja
Ada yang takut ada yang biasa
Belum pernah kami merasa
PM dan rakyat sama rasa

Terima kasih PM kita
Kerana hadirmu rakyat suka

Setiap hari ada berita semasa
Supaya kita tidak leka

Wahai PM kami tidak sangka
Di saat negara dilanda petaka
Ada Menteri yang bagus belaka
Bekerja untuk rakyat jelata

Dr. Hasnah Hussiin
Pusat Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Ts. Dr. Muhamad Mat Noor
muhamad@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

Mohd Suhaimi Hassan
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid

noorazhar@ump.edu.my

Mohd Zulkifly Hamzah

mohdzulkifly@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan pen
penyiaran selagi tidak mengubah isi t
menggambarkan atau mencerminkan
yang disiarkan tidak boleh diterbitkan

Sidang Editorial tidak bertanggungjaw
dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan
dikembalikan. Sumbangan karya bol
penerbit di:

EDITOR

Unit Penerbitan Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-mel: safriza@ump.edu.my

CREATE
e-newsletter

• 804 views

[View PDF](#)

